



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN BERTARAF KONTRAK DI PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) mempelawa calon-calon **WARGA NEGARA MALAYSIA** yang berumur 18 tahun pada tarikh tutup permohonan serta berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan sedia ada bertaraf kontrak seperti berikut:

JAWATAN / GRED	RINGKASAN TUGAS
i. Penolong Pegawai Tadbir Gred N29 (Kontrak) Pusat Temu Duga & Penempatan: <ul style="list-style-type: none">Menara PTPTN, Kuala Lumpur Pengkhususan: <ul style="list-style-type: none"><i>Customer Journey</i>	<ul style="list-style-type: none">Membantu PTPTN dalam menetapkan peta <i>customer journey</i> di setiap <i>customer touchpoints</i> untuk meningkatkan kepuasan pelanggan, kualiti perkhidmatan dan mengikut <i>best industry practice</i>;Menambahbaik titik <i>touchpoints</i> bagi memudahkan pelanggan berinteraksi dengan PTPTN;Mengenal pasti masalah atau kekurangan yang boleh menghalang kepuasan pelanggan;Menyediakan cadangan berdasarkan analisis data untuk meningkatkan pengalaman pelanggan;Sentiasa mengikuti perkembangan dalam industri dan trend tingkah laku pelanggan PTPTN sentiasa mempunyai pemahaman yang mendalam tentang pelanggannya; danMempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

SYARAT LANTIKAN :**I) PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N29**

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

TARAF JAWATAN : KONTRAK

PUSAT TEMU DUGA & PENEMPATAN : MENARA PTPTN, KUALA LUMPUR

PENGKHUSUSAN : CUSTOMER JOURNEY

JADUAL GAJI MINIMUM

MAKSIMUM (JGMM)

	GAJI MINIMUM (RM)	GAJI MAKSIMUM (RM)
	1,493.00	5,672.00

SYARAT LANTIKAN :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,493.00); atau
- (iii) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29: RM1,770.95).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada **peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf** denganannya oleh Kerajaan.

KELAYAKAN SIJIL MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI TUJUAN PELANTIKAN KE DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Calon yang memiliki Sijil Matrikulasi KPM adalah layak dipertimbangkan pelantikan ke jawatan dalam Kumpulan Pelaksana di Gred 29 yang bersesuaian. **Gaji permulaan** bagi **kelayakan Sijil Matrikulasi KPM ditetapkan bersamaan dengan gaji minimum** dalam Jadual Gaji Minimum-Maksimum **skim perkhidmatan berkaitan**.

KEUTAMAAN/PENGKHUSUSAN CALON: CUSTOMER JOURNEY

Pengalaman/Kemahiran:

- Berkebolehan membantu PTPTN dalam menetapkan peta perjalanan pelanggan (*Customer Journey*) di setiap *customer touchpoints* untuk meningkatkan kepuasan pelanggan, kualiti perkhidmatan dan mengikut *Best Industry Practice*;
- Berkebolehan membantu mengenal pasti sasaran yang spesifik, seperti meningkatkan pengalaman pelanggan di titik-titik tertentu dalam perjalanan mereka;
- Berkebolehan mengenal pasti dan segmentasikan pelanggan;
- Berkebolehan menambahbaik titik sentuhan utama (*touchpoints*) di mana pelanggan berinteraksi dengan PTPTN seperti di myPTPTN, laman web, media sosial, pusat panggilan dan kaunter;
- Berkebolehan membantu mengenal pasti masalah atau kekurangan dalam perjalanan pelanggan yang boleh menghalang kepuasan pelanggan;
- Membantu menyediakan cadangan berdasarkan analisis data untuk meningkatkan pengalaman pelanggan;
- Sentiasa mengikuti perkembangan dalam industri dan trend tingkah laku pelanggan untuk memastikan PTPTN sentiasa mempunyai pemahaman yang mendalam tentang pelanggannya; dan
- Mempunyai sikap positif, kreatif, inovatif dan berkomitmen tinggi dalam melaksanakan tugas.

○

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (**online**) **sebelum 11.59 malam, Rabu, 14 Ogos 2024** di pautan (*link*):

<https://www.ptptn.gov.my/ejawatan/>

MAKLUMAT KHUSUS KEPADA CALON

(a) E-MEL DAN NOMBOR TELEFON YANG MASIH AKTIF

Sila pastikan e-mel dan nombor telefon adalah aktif.

(b) PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai yang memasuki perkhidmatan bagi jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

(c) ARAHAN BERTUGAS DI MENARA PTPTN / PEJABAT NEGERI PTPTN (PPN)

Pegawai boleh diarah berkhidmat di Jabatan/Bahagian di Menara PTPTN atau Pejabat Cawangan PTPTN seluruh negara.

(d) CATATAN AM

Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan jawatan dan urusan temu duga adalah atas tanggungjawab calon sendiri.